

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**  
**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah pegawai awam dari Sarawak berkhidmat di Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 27 Oktober 2021, bilangan pegawai awam kelahiran Sarawak yang bertugas di Kementerian dan Jabatan di Semenanjung Malaysia ialah seramai 16,073 orang iaitu seramai 6,273 pegawai lelaki dan 9,800 pegawai wanita.

Sekian, terima kasih.